

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID
[KAPAR]**

TARIKH : 13 JULAI 2020 (ISNIN)

SOALAN

DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID [KAPAR] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan komitmen untuk membina sebuah hospital dalam kawasan Kapar yang mempunyai keperluan terlalu tinggi dengan kepadatan penduduk seramai lebih 20,000 orang penduduk.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan komited untuk membangunkan sebuah hospital di Kapar bagi menyediakan kemudahan fasiliti kesihatan untuk penduduk setempat. Kewujudan hospital baharu ini nanti dijangka dapat meningkatkan lagi akses kemudahan perkhidmatan hospital serta dapat membantu mengurangkan kesesakan di Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang.

2. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, dalam *Rolling Plan 4 2020*, projek pembangunan Hospital Kapar telah diluluskan untuk kerja-kerja awalan yang melibatkan proses penyelarasaran skop perkhidmatan, kerja - kerja ukur tanah dan ujian tanah (*soil investigation*). Tapak projek yang telah dikenalpasti adalah sebidang tanah seluas 50 ekar dan proses perolehan tanah telah selesai. Pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan memohon butiran projek pada tahun hadapan untuk dilaksana pada tahun 2022. Sekian, terima kasih.